

PGA 103

GURU, SEKOLAH DAN MASYARAKAT

SOALAN:

Pada pendapat anda, adakah
Kementerian Pendidikan Malaysia berjaya
menyusun semula masyarakat dan **membasmi kemiskinan?**

Kumpulan 3

Mohd. Daniel Ehsaq Bin Abdullah

Ibnu Sany Bin Samsulbahri

Rachael Gisar

Markus Anak Pukang

MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

1

Penempatan Guru Berbilang Kaum di Sekolah Vernakular dan Sekolah Kebangsaan

2

Bahasa Pengantar yang Seragam: Bahasa Melayu

3

Kurikulum yang Seragam

4

Penglibatan Wajib Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum

5

Program Intergrasi Nasional

PENEMPATAN GURU

- Kementerian Pendidikan Malaysia menggabungkan guru-guru yang terdiri daripada pelbagai kaum khususnya Melayu, Cina dan India untuk berkhidmat di sebuah sekolah yang sama.
- Tiada lagi pengasingan guru berbangsa Cina hanya mengajar di sekolah vernakular Cina atau India.
- Langkah ini bagi memastikan proses pembelajaran lebih efektif di samping menghapus jurang perbezaan kaum.
- Pertukaran guru antara negeri atau dalam negeri juga merupakan langkah yang berkesan untuk menyusun semula masyarakat.

BAHASA PENGANTAR YANG SERAGAM

- Melaksanakan peperiksaan penilaian bahasa Melayu bagi memastikan pelajar mahir dalam berbahasa Melayu.
- Mewajibkan semua pelajar mendapat kepujian gred C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melayakkan seseorang pelajar itu mendapat sijil.
- Langkah ini bertujuan untuk memastikan komunikasi antara pelajar dengan guru lebih mudah difahami walaupun berlainan bangsa.

KURIKULUM YANG SERAGAM

- Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang mampu memupuk perpaduan berdasarkan kisah sejarah yang lampau terutamanya sejarah negara mencapai kemerdekaan melalui usaha sama pelbagai kaum.
- Mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah dipilih KPM untuk mendedahkan kepada pelajar berkaitan budaya bangsa lain yang perlu dihormati dan hal ini selaras dengan satu daripada 5 aspirasi KPM, iaitu perpaduan.
- Dalam sukatan pelajaran ini, guru dan pelajar akan saling berkongsi pendapat dan pandangan berkaitan identiti budaya yang berlainan. Secara tidak langsung mewujudkan hubungan persaudaraan yang lebih erat.
- Walaupun sekolah vernakular, tetapi tenaga dan sukatan pelajaran adalah dari Malaysia dan selaras dengan **Dasar Pendidikan Kebangsaan**. Semua sukatan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah adalah sama.

PENGLIBATAN WAJIB DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

- Pembentukan organisasi seperti persatuan, badan beruniform dan sukan adalah diwajibkan pada tahun 1989. Perpaduan terpupuk melalui penglibatan ahli yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan latar belakang.
- Aktiviti yang dijalankan juga akan melibatkan interaksi, kerjasama dan komunikasi antara ahli dengan guru tanpa mengira kelainan bangsa yang dapat memupuk perpaduan kaum.
- Persaingan sihat pelajar yang berbilang kaum dalam sebarang aktiviti atau pertandingan akan mengeratkan lagi ikatan perpaduan antara mereka.
- Aktiviti kokurikulum bukan sahaja menyumbang kepada 10% untuk syarat kemasukan ke IPT.

PROGRAM INTEGRASI NASIONAL

- Program integrasi Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan program khas di peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan bagi mewujudkan peluang mengeratkan hubungan murid, masyarakat dan guru. Sebagai contoh, program kecemerlangan akademik, khidmat masyarakat, sukan dan permainan, aktiviti kokurikulum dan sambutan seperti kemerdekaan.
- Akan wujud semangat “Negara Bangsa” dan persefahaman yang menjamin keamanan masyarakat.
- Program Latihan Khidmat Negara PLKN juga merupakan salah satu program di bawah program integriti. Program ini bertujuan untuk membina sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.



RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT) dan PROGRAM SUSU SEKOLAH (PSS)

- Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah merupakan satu rancangan makanan yang diberikan kepada murid sekolah rendah terutama kepada pelajar luar bandar yang mempunyai pendapatan RM400 ke bawah iaitu RM800 per kapita.
- Tujuan rancangan ini adalah untuk meningkatkan taraf pemakanan murid dan memberi tumpuan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAMP)

- Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin diberikan kepada pelajar dari darjah 1 sehingga tingkatan 1. Membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menghantar anak mereka ke sekolah.
- Harapan KWAMP yang diberikan ini mampu mengurangkan jurang kemiskinan antara pelajar bandar dan luar bandar.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

- Skim Peminjaman Buku Teks telah dilancarkan sejak 1975 untuk semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Tujuan skim ini adalah untuk mengelakkan pelajar tercicir dari pelajaran mereka.
- Pada tahun 2008, KPM telah menyalurkan bantuan ini tanpa mengira status sosial ekonomi. Skim ini juga turut menyediakan CD-Rom untuk setiap subjek.

BIASISWA

- Pemberian biasiswa terbahagi kepada dua, iaitu Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti kepada pelajar peringkat sekolah menengah.
- Pemberian biasiswa ini dinilai berdasarkan pendapatan keluarga pelajar yang kurang berkemampuan serta prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang
- Pemberian biasiswa ini dapat membantu pelajar miskin untuk persediaan barangan sekolah, yuran tambahan dan sebagainya

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

- Kemudahan infrastruktur yang baik diberikan di setiap sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Bantuan yang diberikan secara menyeluruh ini dapat membantu meringankan beban pelajar.
- Sebagai contoh, pelajar tidak perlu untuk membeli meja dan kerusi sendiri atau membayar yuran pembangunan dan infrastruktur. Pelajar yang miskin tidak perlu untuk membeli komputer kerana di sekolah telah disediakan pusat akses untuk pelajar mengakses sesuatu yang berkaitan dengan pelajaran kerana adanya jaringan Internet.

SKIM BANTUAN TUISYEN

- Skim Bantuan Tuisyen adalah bertujuan untuk member peluang bimbingan tambahan atau tuisyen secara berstruktur dan terancang kepada murid miskin Tahun 4, 5 dan 6 yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains bagi membolehkan murid tersebut menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran berkenaan.
- Tuisyen yang dilaksanakan di bawah skim ini adalah merupakan usaha tambahan dalam memulihkan kelemahan murid di samping usaha yang dilaksanakan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam kelas.

KOMPUTER 1MALAYSIA


- Pemberian komputer 1Malaysia diberikan kepada pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan, dan keluarga belum pernah mendapat komputer 1Malaysia.
- Diberikan bertujuan untuk menggalakkan pelajar mengakses maklumat dengan mudah khususnya kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk membeli komputer.

BAUCAR BUKU 1MALAYSIA

- Pemberian BB1M adalah bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian. Selain itu, inisiatif ini dijangka dapat memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.
- Pemberian ini dikhasakan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta tempatan, Kolej Matrikulasi serta pelajar Tingkatan 6 Atas di seluruh negara sahaja.

BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

- Kerajaan juga telah memberikan Bantuan Persekolahan sebanyak RM 100 yang diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.
- Melalui bantuan ini dilihat dapat membantu kira-kira 5.3 juta pelajar di seluruh negara dan tujuan bantuan ini diberi pada awal tahun ini adalah bagi memudahkan proses pembelian keperluan pembelajaran bagi setiap pelajar.
- Bebanan ibu bapa juga dilihat dapat dikurangkan kerana anak-anak dapat menggunakan wang bantuan persekolahan yang diberikan oleh kerajaan untuk menampung keperluan seperti membeli peralatan tulis dan buku-buku.
- Bantuan persekolahan ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap permasalahan rakyat mengenai masalah yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa setiap kali musim persekolahan bermula dalam menyediakan anak-anak agar mendapat suasana yang selesa dalam proses pembelajaran.

A close-up photograph of a hand holding a yellow pencil. The hand is positioned on the right side of the frame, with the fingers gripping the pencil. The pencil is oriented diagonally, pointing towards the bottom left. The background is a soft, out-of-focus white surface. The text is overlaid on the left side of the image, in a black, italicized font.

Namun begitu, usaha KPM ke arah menyusun semula dan membasmi kemiskinan tidak berjaya sepenuhnya, seperti ...

MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

1. Masih terdapat lagi sesetengah pelajar khususnya pelajar Cina dan pelajar India yang masih tidak mampu menguasai bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa seharian, iaitu Bahasa Mandarin dan Tamil menyebabkan mereka sukar untuk mempelajari bahasa Melayu yang hanya diajar di sekolah.
2. Sekolah vernakular menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
3. Sukatan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan tidak diajar sepenuhnya kerana sesetengah guru menggunakan masa ini untuk mengajar subjek yang lebih penting.
4. Penguasaan subjek Sejarah juga kurang kerana ramai pelajar yang tidak meminati subjek ini kerana membosankan. Kurang minat terhadap subjek ini menyukarkan lagi perpaduan kaum.
5. Sesetengah program integrasi tidak dalam dijalankan. Hal ini demikian kerana kos yang tinggi menyebabkan kerajaan tidak mampu untuk menanggung kos perbelanjaan.
6. Sesetengah sekolah juga terpaksa untuk menarik diri dari menyertai program integrasi kerana faktor jarak sekolah tersebut. Sekolah yang jauh ini mengambil kira faktor kos untuk pergi ke sebuah sekolah yang merupakan tuan rumah.
7. Pada tahun 2015, program PLKN ditangguhkan untuk menjimatkan RM400 juta.

MEMBASMI KEMISKINAN

1. Rancangan Makanan Tambahan tidak diberikan secara keseluruhan kepada pelajar yang tidak berkemampuan. Hal ini demikian kerana kos pengeluaran makanan yang tinggi untuk diberikan kepada seluruh pelajar miskin disebuah sekolah.
2. Masih terdapat pelajar yang berkemampuan mendapat KWAMP. Pihak kerajaan tidak melakukan penyelidikan secara mendalam terhadap pendapatan isi rumah setiap rumah.
3. Masih terdapat buku teks yang dalam keadaan rosak dan usang. Pihak kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan untuk memperbaharui buku-buku tersebut.
4. Masih terdapat masalah kekurangan dan kerosakan harta benda sekolah seperti meja dan kerusi. Masih terdapat pelajar yang menggunakan meja yang rosak.
5. Pemberian komputer 1Malaysia hanya diberikan kepada pelajar tingkatan 5 sahaja.

A close-up photograph of a hand holding a yellow pencil. The hand is positioned on the right side of the frame, with the fingers gripping the pencil. The pencil is angled downwards and to the left, with its sharp tip pointing towards the bottom left. The background is a plain, light-colored surface. Overlaid on the center of the image is the text 'TERIMA KASIH' in a bold, black, serif font. The text is centered horizontally and partially overlaps the pencil and the hand.

TERIMA KASIH